



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN DOLLAH  
KETUA PEMUZIK SENI TRADISIONAL WAYANG KULIT**

**OLEH:**

<b>NURUL ANIESHA BINTI SHAHJAHAN KAMAL</b>	<b>2021858794</b>
<b>NUR ANIS ALIA BINTI MOHD NOOR</b>	<b>2021868804</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN DOLLAH  
KETUA PEMUZIK SENI TRADISIONAL WAYANG KULIT**

**OLEH:**

**NURUL ANIESHA BINTI SHAHJAHAN KAMAL 2021858794**

**NUR ANIS ALIA BINTI MOHD NOOR 2021868804**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2023 – FEB 2024)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyiapkan projek transkrip wawancara bersama seorang Ketua Pemuzik Tradisional Wayang Kulit, Encik Abdul Rahman bin Dollah. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Puan Nurulannisa Abdullah selaku pensyarah bagi subjek ini kerana telah banyak membantu sepanjang menyiapkan tugas ini. Segala input yang telah beliau berikan amat berguna dan telah membantu untuk saya dan rakan menyiapkan transkrip ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih juga kami ucapkan kepada kedua-dua ibu bapa kami kerana sentiasa memberi dorongan dan sokongan walaupun kami berjauhan. Mereka telah membantu memberikan semangat dan dorongan dalam usaha kami menyempurnakan tugas ini dengan sebaiknya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Encik Abdul Rahman bin Dollah serta keluarga di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk ditemu bual bagi menyelesaikan tugas transkrip ini.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

*Temubual ini adalah antara pelajar dan tokoh seni ketua pemuzik tradisional wayang kulit. Temubual ini dijalankan bersama Encik Abdul Rahman bin Dollah atau dikenali sebagai Abang Man yang merupakan ketua pemuzik tradisional dalam bidang wayang kulit. Temubual ini akan dijalankan di tempat kediamannya di 952, Jalan Indah, 18500 Machang, Kelantan. Encik Abdul Rahman atau dikenali sebagai Abang Man merupakan anak didik Dollah Baju Merah yang sohor sebagai pemain wayang kulit ketika tahun 70an kini menjadi pengajar wayang kulit. Beliau juga merupakan penerima dana Adiguru CENDANA fasa pertama dalam seni wayang Kulit. Program Adiguru CENDANA dijalankan dengan kerjasama PUSAKA. Temubual lisan ini dilaksanakan bagi menyelami pengalaman beliau dalam seni ketoprak, alat muzik tradisional, dan warisan budaya Kelantan. Temubual ini menggambarkan perjalanan Encik Abdul Rahman dalam seni tradisional ini, menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang warisan budaya yang perlu dikekalkan dan dipelihara. Temubual ini juga menggambarkan dedikasi Abang Man dalam memelihara dan mengembangkan warisan budaya Malaysia melalui seni wayang kulit. Hasil temubual ini membentuk pandangan komprehensif tentang sumbangan Encik Abdul Rahman terhadap pemeliharaan seni tradisional yang kaya dan berharga*

*Kata kunci: Wayang Kulit, seni ketoprak, warisan budaya, dedikasi, seni tradisional*

This interview is between a student and an artistic leader of traditional wayang kulit musicians. This interview was conducted with Encik Abdul Rahman bin Dollah or known as Abang Man who is the leader of traditional musicians in the wayang kulit field. This interview will be conducted at his residence at 952, Jalan Indah, 18500 Machang, Kelantan. Encik Abdul Rahman, also known as Abang Man, is a student of Dollah Baju Merah who was famous as a wayang kulit performer in the 70s and is now a wayang kulit instructor. He is also the recipient of the first phase of the Adiguru CENDANA fund in Kulit puppetry. The Adiguru CENDANA program is conducted in collaboration with PUSAKA. This oral interview is conducted to explore his experience in the art of Ketoprak, traditional musical instruments, and the cultural heritage of Kelantan. This interview describes Mr. Abdul Rahman's journey in this traditional art, contributing to a deep understanding of the cultural heritage that needs to be maintained and preserved. This interview also illustrates Abang Man's dedication in preserving and developing Malaysia's cultural heritage through puppetry. The results of this interview form a comprehensive view of Mr. Abdul Rahman's contribution to the preservation of rich and valuable traditional art

Keywords: Wayang Kulit, Ketoprak art, cultural heritage, dedication, traditional art

# **SENARAI ABREVIASI**



SINGKATAN ABREVIASI	MAKSUD
US	United State
UM	Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
NGO	Non-Governmental Organisation
PKK	Pejabat Klinik Kesihatan
ASWARA	Akademik Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan
MBO	Malaysian Philharmonic Orchestra
ARD	Abdul Rahman Bin Dollah
NA	Nurul Aniesha Binti Shahjahan Kamal
NAA	Nur Anis Alia Binti Mohd Noor

# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

Je	Sahaja
Tu	Itu
Ni	Ini
Kg	Kampung
Gitu	Begitu
Tak	Tidak
Dulu	Dahulu
Just	Hanya
Group	Kumpulan
Diorang	Mereka
Shape	Bentuk
Show	Pertunjukan
Share	Kongsi
Exposed	Didedahkan
Master	Ijazah Sarjana
Glamour	Terkenal
Puppet	Patung
Translate	Terjemahan
Start	Mula
Storytelling	Penceritaan
Planning	Perancangan
Band	Kumpulan

Basic	Asas
Graduate	Tamat pengajian
Handle	Mengendalikan
Last	Akhir

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK.....</b>	<b>4</b>
<b>SENARAI ABREVIASI.....</b>	<b>6</b>
<b>RUJUKAN KATA.....</b>	<b>8</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>11</b>
<b>BIODATA PENEMUBUAL.....</b>	<b>13</b>
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA.....	14
1.2 PENEMUBUAL KEDUA.....	15
<b>BIODATA TOKOH.....</b>	<b>16</b>
2.0 BIODATA TOKOH.....	17
<b>Pengenalan.....</b>	<b>19</b>
<b>TRANSKRIP.....</b>	<b>20</b>
BAHAGIAN A :LATAR BELAKANG.....	21
BAHAGIAN B : PENDIDIKAN.....	27
BAHAGIAN C1: KERJAYA AWAL.....	30
BAHAGIAN C2: WAYANG KULIT.....	33
BAHAGIAN C3:AKTIVIS.....	45
BAHAGIAN D : SUMBANGAN / PENCAPAIAN.....	47
BAHAGIAN E: HARAPAN.....	50
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>57</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>59</b>
LOG WAWANCARA.....	61
DIARI KAJIAN.....	68
SENARAI SOALAN.....	71
SURAT PERJANJIAN.....	84
GAMBAR.....	86
INDEKS.....	89

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## 1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



<b>Nama</b>	<b>Nurul Aniesha binti Shahjahan Kamal</b>
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	<b>Alor Setar</b>
<b>Alamat</b>	<b>Pendang, Kedah.</b>
<b>No. Telefon</b>	
<b>E-mel</b>	
<b>Program</b>	<b>Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)</b>



## 1.2 PENEMUBUAL KEDUA



<b>Nama</b>	<b>Nur Anis Alia Binti Mohd Noor</b>
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	<b>Machang</b>
<b>Alamat</b>	<b>Kelantan.</b>
<b>No. Telefon</b>	
<b>E-mel</b>	
<b>Program</b>	<b>Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)</b>

# **BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH



<b>Nama</b>	<b>Abdul Rahman Bin Dollah</b>
<b>Umur</b>	
<b>Tarikh lahir</b>	
<b>Tempat lahir</b>	<b>Machang</b>
<b>Tempat tinggal sekarang</b>	<b>Machang, Kelantan</b>
<b>Bilangan adik-beradik</b>	<b>7 orang</b>
<b>Anak yang ke</b>	<b>5</b>
<b>Status</b>	<b>Berkahwin</b>
<b>Nama Isteri</b>	
<b>Bilangan anak</b>	<b>5 orang</b>
<b>Status Bidang</b>	<b>Seni Persembahan Wayang Kulit</b>
<b>Pengajian terakhir</b>	<b>Sekolah Rendah</b>

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Encik Abdul Rahman bin Dollah adalah seorang pemain wayang kulit yang dipandang tinggi dan berpengetahuan tinggi yang dipilih untuk di temubual. Beliau bukan sahaja mahir dalam seni wayang kulit, malah turut berperanan sebagai ketua pemuzik wayang kulit dalam masyarakat seni tradisional Malaysia. Encik Abdul Rahman telah memberi impak yang besar terhadap seni wayang kulit melalui penglibatan yang meluas selama ini. Sebagai pemuzik utama, dia telah membawa kemeriahan kepada pertunjukan boneka, menawan penonton dengan harmoninya yang menawan dan meningkatkan keseronokan mereka secara keseluruhan.

Sememangnya, Encik Abdul Rahman berkemahiran tinggi dalam bermain alat muzik tradisional yang digunakan dalam pertunjukan boneka dan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kepentingan budaya setiap persembahan. Dedikasinya dalam memelihara dan mempromosikan seni wayang kulit bukan sahaja menjamin kesinambungan warisan budaya malah menjadi sumber inspirasi dan pendidikan kepada generasi muda. Sumbangan Abdul Rahman bin Dollah tidak hanya berhenti pada persembahan seni, tetapi juga merangkumi usaha penyelidikan, pengajaran, dan pemeliharaan warisan budaya. Dengan ini, beliau tidak hanya memainkan peranan penting sebagai penggubah muzik dalam seni wayang kulit, tetapi juga sebagai penjaga api yang menyuburkan api kecintaan terhadap seni tradisional di kalangan masyarakat. Baru-baru ini, kumpulan Encik Abdul Rahman telahpun dijemput ke Australia untuk pertunjukan wayang kulit. Semua perkara ini dapat dibuktikan dengan temubual yang dijalankan. Melalui pengalaman dan sumbangan beliau, kita dapat menjelajah mendedahkan keunggulan dan keindahan seni pemuzikan wayang kulit bagi mengekalkan seni wayang kulit.

# TRANSKRIP

## **TRANSKRIP**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nurul Aniesha Binti Shahjahan Kamal dan Nur Anis Alia Binti Mohd Noor bersama Encik Abdul Rahman Bin Dollah mengenai pengalaman beliau sebagai Ketua Persembahan Wayang Kulit. Temubual ini dijalankan di beliau di No.8. Lot.952, Kampung Banggol Kulim,Machang, Kelantan pada 14 September 2023. Berikut adalah hasil rakaman.

**Petunjuk:**

**ARD: Encik Abdul Rahman Bin Dollah**

**NA: Nurul Aniesha**

**NAA : Nur Anis Alia**

### **BAHAGIAN A :LATAR BELAKANG**

**NA : Apakah nama penuh encik?**

**ARD : Abdul Rahman bin Dollah.**

**NA : Bilakah encik dilahirkan?**

**NA : Encik dilahirkan?**

**ARD : Haa..dilahirkan dua puluh tujuh hari bulan lima tahun lima puluh tujuh.**

**NA : Dimanakah encik dilahirkan?**

**ARD : Di Kg Banggol Kulim, Machang**

**NA : Berapakah umur encik tahun ini?**

**ARD : Tahun ini enam puluh enam lah.**

**NA : Di mana encik tinggal ketika kecil?**

**ARD : Di Kg Banggol Kulim. (Angguk)**

**NA : Siapakah yang tinggal bersama encik sekarang?**

**ARD : Sekarang ni ada tiga, dua anak, jadi empat orang lah.**

**NA : Empat orang?**

**ARD : Haa[Ya]. (angguk)**

**NA : Apakah nama penuh isteri encik?**

**ARD : Adilah binti Mohamad.**



**NA** : **Isteri encik berasal dari mana?**

**ARD** : Dari.Pasir Puteh.

**NA** : **Pekerjaan isteri encik?**

**ARD** : Aaa, dulu di hospital Machang. Pekerjaan dia itu apa PKK.

**NA** : PKK ya?

**ARD** : Yalah, PKK.

**NA** : **Bila encik berkahwin?**

**ARD** : Hai, lupu[lupa] tarikh kahwin.

**NA** : Hahaha (ketawa)

**ARD** : Tahun berapo[berapa] eh? Lapan puluh tujuh bila lapan puluh duo[dua] ka lapan puluh tigo[tiga] gitu lah.

**NA** : **Dari mana asal ayah dan ibu encik?**

**ARD** : Dari Kg Banggol Kulim.

**NA** : **Adakah mereka berasal dari kampung tersebut sejak dari awal?**

**ARD** : Ha ya.(angguk)

**NA** : **Sebelum ni, apa pekerjaan ayah dan ibu encik?**

**ARD** : Penoreh getah dengan petani. Tanam padi.

**NA** : **Berapa jumlah adik beradik encik?**

**ARD** : Tujuh orang

**NA** : **Encik anak yang keberapa dalam keluarga?**

**ARD** : Anak yang ke lima.

**NA** : **Di mana mereka semua tinggal? Adakah mereka tinggal berdekatan sini?**

**ARD** : Haa, tak haa kebanyakannya dah meninggal.

**NA** : **Berapa jumlah anak encik? Dua ?**

**ARD** : Lima.

**NA** : **Mereka semua sudah bekerja atau masih belajar?**

**ARD** : Yang belajar satu orang, yang bekerja dua orang, pahtu[lepas itu] tak bekerja sorang. Ada di umoh[rumah](batuk).

**NA** : **Sewaktu encik kecil, ada tak apa macam permainan yang encik selalu main ke?**

**ARD** : Semasa *sayo*[saya] umur lapan *taun*[tahun], lapan tahun haa mula berkecimpung dengan dunia seni lah, dengan wayang kulit. Belajar dengan wayang kulit, main wayang kulit. Jadi, *banyak*[banyak] lah haa apa main gendang *ko*[ke] *apo*[apa] *tuh*[tu] , masa umur *kecik*[kecil] lagi lah lapan tahun.

**NA** : Lapan tahun?

**ARD** : Lapan tahun *jah*[darjah] *duo*[dua], *jah*[darjah] *duo*[dua] la lapan tahun dok?

**NA** : Haah betul lah(angguk).

**ARD** : Jadi *minak*[minat] masa tu, minat nak jadi, *pasa*[pasal] di kampung tu, dia ada orang-orang, orang-orang muda kampung itu dia ada *maing*[main] wayang kulit. Jadi, aa jadi kita duduk belajar lah, buat, dengan wayang kulit.

**NA** : **Apakah cita-cita encik semasa kecil?**

**ARD** : Cita-cita *yo*[dia] *nok*[nak] jadi askar. Haha(ketawa). Jadi askar, tapi haa dah awal sangat *habih*[habis] mengaji, jadi pemandu ambulans.

**NA** : Pemandu ambulans?

**ARD** : Pemandu, ha pemandu ambulans Hospital Machang.

**NA** : Ohh(angguk).

**TAMAT BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG**

## **BAHAGIAN B : PENDIDIKAN**

**NA** : Soalan seterusnya, bolehkah encik berkongsi di mana encik mula-mula bersekolah dan bila mendapat pendidikan awal?

**ARD** : Pendidikan awal di sekolah rendah di Kg Telekung.

**NA** : Kampung apa?

**ARD** : Kampung Telekung dekat Banggol Kulim. Tapi dia jajahan Kuala Krai, sampai darjah enam sekolah.

**NA** : Encik ingat tak bila encik mendapat pendidikan awal, tahun bila?

**ARD** : Pendidikan awal tahun enam puluh berapa eh?

**NAA** : Dalam anggaran tahun bila tu?

**ARD** : Pendidikan awal tahun enam puluh, haih lupa enam puluh satu ko[ke] enam puluh dua *gitu*[begitu] lah. Mula masuk sekolah tu darjah satu.

**NA** : Kiranya sekolah sampai darjah enam? Sekolah menengah tak la?

**ARD** : Ya tak.

**NA** : Ada tak macam subjek yang encik minat ketika belajar dulu?

**ARD** : Kalau darjah enam lah ada subjek apa masa dulu? *Takdok*[Tiada] subjek *supo*[serupa] *loni*[sekarang] minat gotu[*yang itu*] minat *goni*[*yang ini*], cuma pakcik sekolah dulu masa tu *lukise*[lukisan].

**NA** : Oh, lukisan? Memang pakcik minat seni lah.

**ARD** : *Ha*[Ya] minat seni.

**NA** : **Masa pakcik sekolah, semua tanggung sendiri ke ada dapat biasiswa dari mana-mana?**

**ARD** : *Takdak*[tiada], pakcik tanggung sendiri lah.

**NA** : **Encik aktif tak masa zaman sekolah?**

**ARD** : Aktif?

**NAA** : Macam main sukan ke, pidato ke?

**NA** : Macam masuk seni apa-apa ke?

**ARD** : *Dulu*[dahulu] sekolah *takde*[tiada] seni, cuma *permaine*[permainan] *suke*[sukan] lah, main bola sepak, dulu *gitu*[begitu] lah main bola sepak main *kalu*[kalau] hari suke, main *lariye*[larian] gitu lah dulu. *Tak*[tidak] *supo*[serupa] *loni*[sekarang]. Sekolah tahun 60-an, tahun 57, 58, 59,60. 61,62, 63, 64. 64 lah darjah satu.

**NA** : **Macam mana, boleh tak encik cerita suasana pembelajaran dulu yang encik hadapi, adakah susah?**

**ARD** : Jadi, pakcik *kalu*[kalau] bab *pembelajare*[pembelajaran] ni kita tak terlibat sampai ke sekolah menengah ka *gapo*[apa], jadi setakat darjah enam. Jadi nak cakap macam mana eh tidak *supo*[serupa] *loni*[sekarang] *dok*[tak]? Loni banyak teknologi moden sangat, jadi pembelajaran *hok*[yang] itu pembelajaran *hokni*[yang ini], dulu *takdok*[tiada] lah dulu. Ada mata pelajaran dulu ilmu hisab, itu ja, *lukise*[lukisan], sejarah. Matematik tu dia tak panggil matematik, kira-kira dulu. Ilmu kira-kira dia panggil. Sejarah, *lukise*[lukisan]. Jadi kalau nak cakap tentang *pendidike*[pendidikan] nya, pakcik *takleh*[tidak boleh] cakap lah. *Ha lagu*[macam] mana apa dia tu tahap dia tu jadi masa dulu, tinggal pon duduk dengan pelita air, pelita minyak *gah*[gas]. Ha masa dulu, *letrik*[eletrik] tahun berapa baru masuk di kampung.

**NA** : **Adakah itu macam cabaran masa belajar yang encik hadapi?**

**ARD** : *Meme*[memang] cabaran masa tu zaman budak *takse*[tak nak] sekolah. Pasal *takdak*[tiada] *paedah*[faedah]. *Ore*[orang] tua-tua dulu kata takdak paedah sekolah *gapo*[apa], baik belajar tanam padi, belajar potong getah, macam tu. Ha masa dulu.

**NA** : **Baiklah disini kita dapat tahu tahap pendidikan awal Encik Abdul Rahman, Seterusnya, bahagian kerjaya.**

## TAMAT BAHAGIAN B : PENDIDIKAN

## BAHAGIAN C1: KERJAYA AWAL

- NA : Selepas encik tamat pendidikan awal, apakah pekerjaan pertama yang encik ceburi?
- ARD : Tolong *mok*[mak] tanam padi, potong getah, tu je tinggal di kampung.
- NA : Sampai umur berapa encik buat pekerjaan tolong ibu bapa sebelum mendapatkan pekerjaan tetap?
- ARD : Waktu, kalau cerita dia tu, lepas sekolah tu umur berapa belas tahun, 12, 13, 14 tahun tu pakcik dah pergi dah kerja. Cari kerja. Cari kerja di Gua Musang. 14 tahun, 15 tahun pakcik pergi di Kuala Lumpur. Kerja jadi konduktor bas di Kuala Lumpur. 15 tahun sampai umur 18 tahun, baru pakcik boleh kerja pemandu ambulans. Ha tu lah.
- NA : Macam mana pakcik mendapatkan peluang pekerjaan pertama pakcik sebagai pemandu ambulans?
- ARD : *Pohon*[mohon] lah, pohon kerja dulu. Dulu, sijil darjah enam pon boleh.
- NA : Boleh minta la?
- ARD : Ya boleh. *Jah*[darjah] lima masa dulu masa peringkat ayah pakcik tu darjah lima boleh jadi mintak *kijo*[kerja] *kerajae*[kerajaan] jadi guru pon ada dulu.
- NA : Mudah ye.



ARD : Ha mudah.

NA : **Ada tak macam cabaran-cabaran awal dalam pekerjaan pakcik?**

ARD : Pemandu ambulans?

NA : Ya. Cabaran-cabaran yang pakcik hadapi.

ARD : Cabaran awal *meme*[memang] banyak *kalu*[kalau] ikut sejarah *dio*[dia]. Bulan, bulan 6 Februari, ya bulan 6 tahun 77, pakcik mula *kijo*[kerja]. Mula-mula kerja pekerja am dulu. *Lepahtu*[selepas itu], duduk 10 tahun, jadi pemandu ambulans. Cabaran dia pemandu *dreba*[driver] tu banyak cerita lah. Pergi *ambik*[ambil] orang accident, angkat *bawak*[bawa] pergi ambik mayat, hantar mayat, tu cabaran dia banyak. Cumanya pakciknyo kebanyakannya pakcik bergiat dalam seni. Masa jadi pemandu tu pakcik bergiat dengan seni. Pasal kita minat seni.

NAA : **Adakah seni ni secara part time?**

ARD : Ya masa *dulu*[dahulu] part time lah. Masa kerja dulu. *Pah*[selepas] pencen tahun 2012 tu baru *kiro*[kira] *wak*[buat] full time.

NA : **Pakcik ingat tak berapa pendapatan pertama pakcik masa mula-mula kerja?**

ARD : RM300, RM316 ke, gitu lah.

**NA** : RM316?

**ARD** : Ya, jadi dia naik-naik sampai tu lah, sampai ke RM800 .

**NAA** : Sikit eh dia punya gaji.

**ARD** : Tapi masa tu tak apa lah RM300 pon, gula 30 sen satu kati. Dia tak panggil kilo lagi, panggil kati. Satu kati 50sen. Jadi, semua *bare*[barang], tapi *duik*[duit] susah lah.

**TAMAT BAHAGIAN C1 : KERJAYA AWAL**

## BAHAGIAN C2: WAYANG KULIT

**NA** : Seterusnya nak tanya pasal wayang kulit. Pada tahun berapa, pakcik mula melibatkan diri dalam seni wayang kulit ni, awal-awal sekali?

**ARD** : Awal sekali tu, bila kita belajar *dale*[dalam] 7,8 tahun, 10 tahun darjah empat tu, kita naik panggung main. Belajar. 10 tahun tu belajar main wayang kulit.

**NA** : Siapa orang atau tokoh yang pertama kali memperkenalkan seni wayang kulit ni ke pakcik? pakcik ingat tak?

**ARD** : Dia nak *royak*[beritahu] tokoh tu *buke*[bukan] *kato*[kata] *bendo*[benda] ni *ambik*[ambil] ni *dok*[tidak]. Dia *ghama*[ramai]. Di satu kampung tu dulu wayang kulit dia ada dua, tiga bangsal. *So*[satu] kampung tu dia ada, ni sini *ado*[ada] wayang kulit, sini ada wayang kulit, sini ada wayang kulit. Jadi *hokni*[yang ini] *ngajar*[wayang kulit], *hokni* ngajar wayang kulit, *hokni* ngajar wayang kulit. Jadi, *nok*[nak] *kato* *sapo*[siapa] mula-mula tu, ha yalah sebab satu kampung main *belako*[belaka]. Dia main pun, apa ni, dia dari satu kampung tu, dia gotong royong nak main. Dia *dok*[tidak] *sekat*[setakat] untuk main kenduri kahwin ke *gapo*[apa] ke main *meme*[memang] wayang kulit, silat, dikir barat. Nama pun dia sekali belaka. Jadi, akhir sekali nya kalau nak *kato*[kata] peringkat awal Pak Dolah Baju Merah lah. Pak Dolah Baju Merah ni dia pergi di bangsal wayang kulit walaupun dia terikat di Kok Lanas, dia *gi*[pergi] *ngajar*[mengajar] wayang kulit di Banggol Kulim. Dia Tok *Dale*[Dalang] termahsyur la ketika itu, Pak Dolah Baju Merah.

**NAA** : Sekarang ini masih ada lagi ke?

- ARD** : Eh mati lama dah. 15 tahun dah, dah tak dak dah.
- NA** : **Maksudnya, pakcik belajar ni bukan secara formal, ke tak formal? Memang *just*[hanya] *join*[sertai] macam tu sahaja?**
- NAA** : Tak pernah masuk mana-mana kelas?
- ARD** : *Takde*[Tiada] kelas (berdehem), masa itu takde kelas *gapo*[apa], *takdok*[tiada], makna takdok sekolah.
- NA** : **Tiada pembelajaran secara formal maksudnya. Apa yang menyebabkan pakcik tertarik dengan wayang kulit? Lagu dia ke apa?**
- ARD** : Saya rasa masa itu, permainan tu dia *takdok*[tiada] permainan lain. Televisyen tak ada, radio *jare-jare*[jarang-jarang] ada dulu. Jadi cuma ada wayang kulit dengan dikir barat. Jadi, kita minat dengan itu, *kanok-kanok*[kanak-kanak] masa tu. *Tu lah*[Itu lah ] bermula seni pakciknyanya. Jadi apabila pakcik *kijo*[kerja] di Hospital *Mache*[Machang] ni, jadi kepandaian itu kita ada. Dan setiap-tiap tok *dale*[dalang] tu, tahun 80an tu, 80an, diorang panggil kita main ikut dia, main. *Tiko*[ketika] cuti *gi*[pergi] main, ada kenduri kahwin, main silat ka apa ka, ha macam tu. Masa tu tahun 80an. Jadi tahun 80an tu, arwah Pak Dolah ni ada lagi, tapi dia tak boleh nak, tak boleh main. Jadi pakcik gi tolongnya. Tolong dia bawak mari Kuala Lumpur *gapo*[apa]. Jadi kejayaan pakciknyanya sampai mula-mula *kerajae*[kerajaan] hantar *ko*[ke] Perancis, *pahtu*[selepas itu], ke Amsterdam pahtu di, *hok*[yang] last sekali di US. Kejayaan pakcik bawak wayang kulit ni.
- NA** : **Macam mana reaksi keluarga, macam orang terdekat pakcik yang macam keputusan pakcik nak mengejar karier dalam wayang kulit?**

- ARD** : Diorang tak bantah, masa kahwin pon diorang tak bantah, beri sokongan.
- NA** : **Pakcik ingat tak berapa gaji ketika memulakan kerjaya ini dalam seni wayang kulit?**
- ARD** : Dia takdak gaji, dia ada bagi *upoh*[upah] *gitu*[begitu], satu malam dia bagi 300, jadi kita bahagi dengan group-group kita tu. Group tu dipanggil awok, puak-puak awok-awok. Awok wayang kulit group tu. *Panjok*[panjak] , kalau *kito*[kita] *gak*[juga] panjok. Panjok, *awok*[awak], *zame*[zaman] dulu.
- NA** : Maksudnya dia tak ada gaji khusus la? Dapat upah macam itu sahaja?
- ARD** : Ya, tak ada gaji khusus.
- NA** : **Pakcik tahu ke macam proses pembuatan wayang kulit ni?**
- ARD** : Tahu sikit-sikit.
- NAA** : **Boleh terangkan *sikit*[sedikit] macam mana dia punya proses?**
- ARD** : Proses itu dari awal ke, kulit? Kalau nak buat wayang, buat wayang kulit tu?
- NAA** : Ya
- ARD** : Kulit kambing, atau kulit *kuba*[kerbau].
- NA** : *Pastu*[selepas itu] dia gunting ke macam mana? Untuk yang *shape*[bentuk] tu?
- ARD** : Ohh, *situ*[yang itu] rumit. Sebab satu *bule*[bulan] pon *dio*[dia] tak siap.
- NA** : Kena lukis ke?
- ARD** : *Nok*[nak] buat satu, satu watak.

- NAA** : **Satu watak tu anggaran?**
- ARD** : *Beso*[biasa] tengok *ko*[ke] wayang kulit? *Beso* tengok? *Tok*[tak] tahu, tak tahu apa wayang kulit? *Beso*[Biasa] tengok?
- NA** : Tak, tak.
- ARD** : Tak tengok *show*[pertunjukan] wayang kulit apa, tak dak?
- NAA** : Tengok cerita kartun. Cerita kartun je.
- NA** : Sekarang kalau macam ada program kat universiti pon banyaknya dikir barat, macam wayang kulit jarang *diexposed*[didedahkan] .
- ARD** : Baru ni UiTM pon ada main, tapi bukan group pakcik. UiTM Machang. Tengok dalam youtube. Watak dia tu, watak dia tu banyak. Watak-watak dalam tu.
- NA** : **Ada tak ciri-ciri khusus dalam seni wayang kulit bagi pakcik yang perlu ada?**
- ARD** : Tak ada, kalau ciri khusus dia pertamanya kalau seni wayang kulit, kita kena minat.
- NA** : Oh kena minat .
- ARD** : Ha kena ada minat, kalau orang tak berminat tak akan *panda*[pandai], walaupun dia pergi sekolah seni, *loni*[sekarang] ASWARA ada sekolah seni. itu (menunjuk) anak pakcik *sorang*[seorang] tu dia *dok*[duduk] di UPSI. Tu dia ambik *Master*[Ijazah Sarjana] apa dia, muzik.
- NA** : Ada tak dia belajar wayang kulit?
- ARD** : Di UPSI?
- NA** : Ya
- ARD** : Ada. Untuk *pembelajare*[pembelajaran] seterusnya.
- NA** : Macam kumpulan muzik yang khusus tu? Ada ke?

ARD : Ya ada, kena ada.

NA : **Pakcik ingat ke nama dia? Nama kumpulan muzik yang khusus tu?**

ARD : Yang khusus tu ingat nama dia, anak-anak pakcik, dua orang, tiga orang, dia *boleh*[boleh] main. Main *group*[kumpulan] ni.

NA : Nama kumpulan dia? pakcik ingat?

ARD : Hah? Nama kumpulan? Seni Warisan, Seni Warisan PUSAKA Machang.

NAA : **Pak cik ada tak nama panggung yang digunakan dalam persembahan? Nama panggung pak cik? Nama *glamour*[terkenal] pak cik? Ada tak?**

ARD : Nama? Apa nama?

NA : Nama gelaran orang panggil pak cik sebagai tokoh wayang kulit ni. Selalu orang panggil pak cik *ape*[apa]?

ARD : *Takdok*[Tiada] gelaran cumanya *skalo*[selalu] dulu. *Takdok*[tiada] la *mugo*[sebab] *demo*[diorang] panggil *abe me*[Abang Man] wayang kulit.

NAA : **Setiap persembahan yang encik hadir tu [itu] melibatkan semua ahli kumpulan ataupun sebahagian *je*[sahaja] yang main persembahan itu?**

ARD : *Semo*[Semua] ahli *keno*[perlu] *gi*[pergi]. *Dio*[Dia] ahli kan *ado*[ada] dalam *sepuluh*[10] *ore*[orang] lebih *kure*[kurang].

NAA : **Selalu persembahan itu buat dekat mana?**

**ARD** : Persembahan tu *kalu*[kalau] ,atas *permintae*[permintaan] . *Kalu*[Kalau] di Kuala Lumpur ,*banyak*[banyak] di universiti tu di *UM*[Universiti Malaya] *biaso*[biasa] main ,*tok*[tak] tahu la di panggung universiti, pak cik *pon*[pun] tak ingat *doh*[dah] *brapo*[berapa] puluh tempat *doh*[dah].

**NAA** : **Tema yang pak cik guna untuk lakonan wayang kulit ini *ape*[apa]?Tema *dia*?**

**ARD** : *Dio*[Dia] *takdok*[tiada] tema wayang kulit ini. *Dio*[Dia] *takdok*[tiada] khusus, pasal seni ni ke seni *pusako*[pusaka] seni. *Dio*[Dia] *mano*[mana] *ado*[ada] khusus *supo*[serupa] buku *cerito*[cerita]. *Mace*[Macam] buku *cerito*[cerita] tu *meme*[memang] *ado*[ada] la tapi *hok*[yang] tu kena hurai *panje*[panjang].

**NAA** : **Tajuk wayang kulit ade tak yang digunakan ,ke sama tajuk *je*[sahaja] ?Tajuk cerita tu?**

**ARD** : Jadi *soale*[soalan] itu *payoh*[susah] *nok*[nak] *oyak*[bagitahu] ,*soale*[soalan] itu *tok*[tak] *keno*[kena] *doh*[dah] *denge*[dengan] *perjalane*[perjalanan] seni . *Maknonyo*[Maknanya jauh *bezo*[beza] seni *laguni*[macam ini] *soale*[soalan] *mari*[datang] *laguni*[macam ini].(ketawa)Jadi *dio*[dia] *takdok*[tiada] tema.

**ARD** : *Cerito*[Cerita] *dionyo*[dia] mahabrata ,maharaja wana *pere*[perang] *denga*[dengan] seri rama *gitu la*[macam itu la] *patut ado*[sepatut ada] la *cerito-cerito dionyo*[ cerita-ceritanya] *sapa*[sampai] berpuluh- puluh . *Dio*[ Dia ] *atah*[atas] *tok dale*[ tok dalang ] la *plok*[ pula].

**NAA** : **Dalam seminggu itu ahli kumpulan encik ini brape[berapa] kali berlatih?**



**ARD** : Berlatih itu *dio*[dia] *bulih*[boleh] *sayo*[saya] *kato*[cakap] *buke*[bukan] seminggu *duk*[asyik] *blatih*[berlatih] *sokmo*[selalu] ,*dok*[tidak]. *Kito*[Kita] *apabilo*[apabila] *kito*[kita] latih sekali *dio*[dia] *ake*[akan] ingat sampai *bilo-bilo*[bila-bila]. Jadi *kalu*[kalau] *ado*[ada] *ore*[orang] panggil untuk *persembahe*[persembahan] *tok*[tidak ] perlu berlatih.

**NAA** : **Maknanya sebelum tu tak perlu berlatih dah?**

**ARD** : *Ho*[Ya], *tok*[tak] perlu berlatih *doh*[dah]. *Diore*[Mereka] *kito*[kita] ajar *doh*[dah] *dio*[dia] main wayang kulit macam mana .

**NAA** : **Boleh anggarkan berapa kali kumpulan encik mendapat kemenangan untuk mana-mana pertandingan?**

**ARD** : *Dio takdok*[tiada] *pertandinge*[pertandingan]. *Dio*[Dia] *ado*[ada] pertunjukan. *Dio*[Dia] *ni* [ini] seni warisan *dio*[dia] *takdok*[tiada] untuk bertanding .

**NAA** : **Apa jenis karakter wayang kulit yang menjadi kesukaan encik?**

**ARD** : Nanti pak cik panggil *Shapiq*[Shafiq] deh[ya]. *Shapiq*[Shafiq] *co*[tolong] mari Abah *tok*[tak] *leh*[boleh] *nok*[nak] jawab *soale*[soalan] ini *pese*[jenis] *supo*[sama] dikir barat. Tolong *oyak*[cakap] *ko*[ke] adik-adik ni. (anak Encik Abdul Rahman jelaskan ke Encik Abdul Rahman) Dalam wayang kulit minat *belako*[semua].

**NAA** : Yang kerap diguna?

**ARD** : *Hok*[Yang] kerap guna seri rama . *Dok*[Tak]. *Tok*[Tak] pernah terlibat

- NAA** : **Apakah faktor-faktor yang tertentu dalam seni wayang kulit ni yang jadi kegemaran karya-karya encik?**
- NA** : Macam mana pak cik *suko*[suka]?
- ARD** : Faktor?
- NAA** : Macam sebab pak cik minat karya ini karya ini? *Ade*[Ada] tak ?
- ARD** : Jadi kalau pak cik nak cakap minat sesuatu tu watak tu *tok*[tak] pak cik kesemua la. *Hok*[Yang] itu pak cik *kato*[kata] itu *dio*[dia] *bezo*[beza] dengan dikir barat. Sebab *dio*[dia] *tok*[tak] *samo*[sama] *mace*[macam] dikir barat *mace*[macam] *supo*[sama] mak yung *ko*[ke].
- NAA** : **Apa yang menyebabkan minat yang mendalam encik terhadap seni wayang kulit ni?**
- ARD** : Pasal *minak*[minat] pak cik jadi pak cik *tok*[tak] *suko*[suka] la lain – lain ,lain – lain permainan *ko*[ke]. Jadi *minak*[minat] tradisional tu mendalam sangat. *Kalu*[Kalau] silat, wayang kulit *hok*[yang] *lamo- lamo*[lama-lama] permainan dulu *kalo*[kala]. Jadi permainan baru ni *tok*[tak] minat. *Tok*[Tak] *minak*[minat] *lasung*[langsung].
- NAA** : **Adakah encik pernah menghadiri festival atau pameran yang mendedahkan seni wayang kulit ni kepada khalayak ramai?**
- ARD** : *Biaso*[Biasa] *kito*[kita] *pegi*[pergi] buat persembahan, *kito*[kita] kena buat bengkel *pulok*[pula]. Kerja *kito*[kita] kena tunjuk *lagumano*[macam mana] *nok*[nak] buat wayang kulit. *Keno*[Kena] tunjuk *lagumano*[macam mana] *puppet*[patung] ni, patung wayang kulit tu *dio*[dia] panggil *puppet*[patung].
- NA** : **Pak cik jadi juru cakap masa itu ?**

**ARD** : Eh *dok*[tak] ,orang lain. Pak cik ni *ju*[orang yang] *handle*[mengendalikan] *group*[kumpulan] *pahtu*[selepas itu] pak cik main satu alat musik dalam wayang kulit.

**NAA** : **Boleh anggarkan berapa encik buat bengkel itu?**

**NA** : Pak cik ingat tak?

**ARD** : Oh tak ingat. Tapi *bulih*[boleh] *sayo*[saya] *kato*[cakap] *banyak*[banyak]. *Sapa*[Sampai] di *US*[United State] *pon*[pun] *kito*[kita] tunjuk bengkel, *gi*[pergi] Kuala Lumpur *pon*[pun] *kito*[kita] tunjuk bengkel jadi *banyak*[banyak] *pengalame*[pengalaman]. *Tok*[Tak] tahu.

**NA** : **Kalau kebiasaannya peringkat sekolah ke macam mana?Peringkat pendidikan ke?**

**ARD** : *Kalu*[Kalau] di *US*[United State] *sekoloh*[sekolah] , setiap kolej –kolej ,university di *US*[United State] *kito*[kita] *pegi*[pergi] *pak*[empat] negeri .

**NA** : **Mendapat sambutan tak pak cik?**

**ARD** : *Dio*[Dia] buke[bukan] untuk sambutan ni *dok*[tak]. *Dio*[Dia] *wak*[buat] ,*dio*[dia] *ambik*[ambil] kesenian *kito*[kita] untuk *wak*[buat] *research*[penyelidikan] *memperkenalke*[memperkenalkan] seni Asia. *Dio*[Dia] panggil seni Asia untuk *dio*[dia] *wak*[buat] belajar. Jadi *sambute*[sambutan] ramai setiap universiti (batuk).

**NA** : **Kalau macam luar negara tu memang kena terangkan dalam bahasa inggeris?**

**ARD** : *Ho*[Ya]. Bahasa inggeris la,*Shapiq*[Shafiq] *jo*[orang yang] tolong translate ke semua ni.*Pahtu*[Lepas itu] *ado*[ada] *ore*[orang ] *bowok*[bawak] pak cik ni ,*duo*[dua] *ore*[orang] jadi *dio*[dia] *bawok*[bawak] pak cik *pegi*[pergi], *dio*[dia] terang.

**NAA** : Jadi pak cik hanya mainkan *je*[sahaja] la ?

**ARD** : *Ha*[Ya],*jo*[orang yang] main la .

**NAA** : **Pak cik pernah telibat dengan aktiviti pengkajian atau penyelidikan untuk memahami lebih daripada wayang kulit?**

**ARD** : *Ho*[Ya] *dok*[tak] .*Tok*[Tak] pernah.

**NAA** : **Macam mana nak pastikan keaslian dan keunikan gaya seni wayang kulit ni dalam setiap karya? Nak jaga keaslian dia macam mana?**

**ARD** Bendanya nak jawab maknanya soalan *hok*[yang] *dio*[dia] *wak*[buat] ini *payoh*[susah] *nok*[nak] jawab.*Nok*[Nak] *jago*[jaga]?

**NAA** : Nak menjadikan dia ni lain daripada yang lain?

**ARD** : Ha *dio*[dia] *tok*[tidak] *leh*[boleh]. *Dio*[Dia] *tak*[tidak] *leh*[boleh] *nok*[nak] *wak*[buat] lain *pado*[daripada] yang lain . *Kalu*[Kalau] seni persembahan lain *bulih*[boleh]. Jadi *kito*[kita] *keno*[kena] *jago*[jaga] . (bunyi burung)

**NAA** : **Ada teknik khusus ataupun kemahiran yang khusus pak cik rasa penting untuk seni wayang kulit ini?**

**ARD** : *Ape*[Apa] *dio*[dia], teknik?

**NAA** : Teknik atau kemahiran.

**NA** : Kemahiran khusus *dio*[dia] macam

- ARD** : Setiap permain wayang kulit,bermain *gende*[gendang] *ko*[atau] *apo*[apa] *ko*[atau] *dio*[dia] *keno*[kena] *ado*[ada] kemahiran khusus untuk *dio*[dia].Bermakna setiap *dio*[dia] *nok*[nak] main ,tok dalang *dio*[dia] *keno*[kena] belajar. *Dio*[Dia] *nok*[nak] main gendang ,*dio*[dia] *keno*[kena] belajar. Jadi belajar khusus untuk *gende*[gendang] . Setiap wayang kulit ni *dio*[dia] kena pandai *kalu*[kalau] *buke*[bukan] tangkap muat je.
- NAA** : Jadi setiap ahli kumpulan itu kena masuk bengkel ke?
- ARD** : Haa kursus *dio*[dia] *keno*[kena] belajar la .*Yo*[Betul] la *kalu*[kalau] dulu lebih *kure*[kurang] , *kalu*[kalau] *loni*[sekarang] belajar masuk kursus ,masuk kelas .Cikgu kelas *dio*[dia] (tunjuk anak) *Shapiq*[Shafiq] *bulih*[boleh] *tulo*[tolong] *oyak*[bagitahu] *Shafiq*[Shafiq].
- NAA** : **Adakah encik yang membuat skrip ataupun jalan cerita untuk persembahan itu?**
- ARD** : *Hok*[Yang] tu *dio*[dia] *tok dale*[tok dalang]. *Dio*[Dia] *crito*[cerita] tu *dio*[dia] *buke*[bukan] *kato*[kata] *kito*[kita] *keno*[kena] tulis *supo*[serupa] drama *ko*[atau] *gapo*[apa], *buke*[bukan]. *Dio*[Dia] *hok*[yang] asal *lagutu*[macam itu]. *Dio*[Dia] asal asli *dio*[dia] *laguni laguni*[macam ini]. *Kito*[Kita] *tok*[tak] *leh*[boleh] *nok*[nak] *uboh*[ubah]. Main *tok dale*[tok dalang] *mano*[mana] *group*[kumpulan] *mano*[mana] *pon*[pun] *dio*[dia] *lagutu*[macam itu] *jah*[sahaja] .
- NAA** : **Jadi karakter tu berdasarkan tokoh ke ataupun ambil inspirasi dari cerita tradisional?Puppet tu daripada tokoh mana-mana ataupun inspirasi dari cerita tradisional?**
- ARD** : *Susoh*[Susah] nak jawab. *Piq*[Shafiq] mari *Piq*[Shafiq] (panggil anak). Pasal *demo*[diorang] *kecek*[bercakap] *denga*[dengan] *hok*[yang] bersurat *ke*[kan] .Jadi pak cik ni *tok*[tak] *reti*[pandai] *hok*[yang] jenis perkataan bersurat.

- NAA** : Soalan dia puppet tu berdasarkan tokoh ataupun inspirasi dari cerita tradisional? *Ho*[Ya] dari *crito*[cerita] tradisional. Dari asal lagi dari sejarah.(anak Encik Abdul Rahman jawab) ( bunyi burung )
- NAA** : **Jadi latar belakang musik tu dipilih macam mana ataupun sama je[sahaja]?**
- ARD** : *Samo*[Sama] ,start *sejaroh*[sejarah] daripada awal lagi . *Dio*[Dia] *takdok*[tiada] ubah. *Dio*[Dia] spontan la.(anak Encik Abdul Rahman jawab).  
*Takdok*[tiada] *uboh*[ubah].
- NAA** : **Apa proses pemilihan instrumen ataupun jenis muzik?**
- ARD** : Sebab *tok dale*[tok dalang] akan bagi *cue*[isyarat] untuk *guno*[guna] karakter *gapo*[apa] *dio*[dia] akan bagi *cue*[isyarat] setiap *perjalane*[perjalanan] *cerito*[cerita].(anak Encik Abdul Rahman jawab)

## TAMAT BAHAGIAN C2: WAYANG KULIT

### BAHAGIAN C3:AKTIVIS

**NAA** : Adakah encik ini terlibat dalam mana-mana organisasi atau kelab untuk mempromosikan seni wayang kulit ini?

**ARD** : *Yo*[Ya],dengan *Pusako*[Pusaka].Sekarang *duk*[duduk] *bowoh*[bawah] kelab *dio*[dia],*Pusako*[Pusaka].

**NAA** : Adakah encik pernah lakukan persembahan bersama seniman lain atau kumpulan seni lain dalam bidang wayang kulit?

**ARD** : Oh *takdok*[tiada].

**NAA** : Encik pernah hadir atau menyertai seminar untuk berkongsi pengalaman seni wayang kulit ni ?

**ARD** : *Ha*[Ya] tak.

**NA** : Diorang tak pernah jemput pak cik?

**ARD** : Maksudnya,*kito*[kita] i[pergi] *jupo*[jumpa] *ore*[orang] *ko*[ke] pak cik *gi*[pergi] *jupo*[jumpa] *ore*[orang] ,*ore*[orang] *mari*[datang] *jupo*[jumpa] pak cik.

**NAA** : Dapat surat tawaran untuk menyertai seminar ataupun?

**NA** : Untuk pak cik kongsi pengalaman pak cik mana-mana tempat ke

**ARD** : Tak ade. Kalu *hok*[yang] ore[orang] mari *jupo*[jumpa]. *Mari*[Datang] cari pengalaman ada. Tapi ada satu tahun tu tok[tak] ingat tahun *braponyo*[berapa] *kito*[kita] buat join musik antarabangsa MBO pihak orkestra , masuk orkestra ,wayang kulit kita , *dio*[dia] main orchestra jadi dia gabung dia wak pameran. Di PWTC eh menara petronas. *Ho*[Ya] pernah bergabung .Tahun tok[tak] ingat tahun *duo*[dua] ribu *brapo*[berapa].2015 *ko*[ke]. *ho*[ya] 2009 .

**NAA** : **Peranan encik dalam menjalankan tugas ini untuk wayang kulit ini macam mana ?**

**ARD** : Pemain la , pemain gendang, *gombak*[gedombak].

**NAA** : **Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh encik untuk mempromosikan wayang kulit ini sebagai aktivis seni?**

**NA** : Ade tak tentangan daripada masyarakat, kecaman?

**ARD** : Ada je yang tak berminat. Tak berminat dengan seni *warise*[warisan] ni. *Takdok*[tiada]bertentangan. *Tok*[Tak] suka la *dio*[dia] *kato*[cakap] *apo*[apa] main wayang kulit ni. Pahtu *dio*[dia] *kato*[cakap] *tok*[tak] menjamin masa *depe*[depan]. Itu la *tentangenyo*[tentangannya].

**NAA** : **Kita pergi bahagian yang ke empat iaitu sumbangan dan pencapaian.**

### TAMAT BAHAGIAN C3:AKTIVIS



## BAHAGIAN D : SUMBANGAN / PENCAPAIAN

**NAA** : **Bagaimana pak cik libatkan diri dalam mendidik generasi muda tentang seni wayang kulit ni?**

**ARD** : *Kito* [Kita] buat *apo*[apa] tu. *Kalu*[Kalau] dulu , *loni*[sekarang] *oyak*[bagitahu] *dale*[dalam] *talipon*[telefon] *loni*[sekarang] *dok*[kan] ,*duo*[dua] tahun *lepah*[lepas] ,*oyak*[bagitahu] *dale*[dalam] *talipon*[telefon] *sapo*[siapa] *nok*[nak] *blajar*[belajar] wayang kulit mari di panggung,pasal pak cik *ado*[ada] panggung *kampong*[kampung] jadi *kito*[kita] *mace*[macam] *ado*[ada] *teratok*[teratak] seni, ada panggung wayang kulit. *Sapa*[Siapa] berminat pergi di panggung. *Kito*[Kita] buat tarikh *dio*[dia]. *Lagitu*[Macam itu] la.

**NAA** : **Sekarang ni panggung tu masih beroperasi?**

**ARD** : *Ado*[Ada],beroperasi.*Ado*[Ada] siap ore[orang] luar negara mari tengok wayang kulit. *Kito*[Kita] main di panggung tu tapi dalam negara *dio*[dia] panggil main tempat *dio*[dia], *kalu*[kalau] luar negara *dio*[dia] mari sini di panggung *kito*[kita] pon[pun] tunjuk.

**NAA** : **Yang dipanggil ke luar negara tu kita dibayar untuk pergi sana tu semua ditanggung?**

**ARD** : *Ho*[Ya] ,ditanggung .

**NAA** : **Karya wayang kulit encik yang paling hargai oleh masyarakat? Apa dia punya karya?**

**ARD** : *Lagumana*[Macam mana] *piq*[Shafiq] nak jawab(tanya anak). Soalan ni dio *buke*[bukan] *payoh*[susah] *soale*[soalan] *loni*[sekarang] ini *dio*[dia] bergabung *denga*[dengan] *dio*[dia] *keno*[kena] *tok*[letak] petak *suku*[lain] jadi *saloh*[salah] petok[petak] la.

- NAA** : Karya yang paling dihargai oleh masyarakat macam dapat sokongan penuh?
- ARD** : *Dio*[Dia] wayang kulit ni bukan berkarya ,*dio*[dia] meneruske[meneruskan] dan memelihara wayang kulit. *Dio*[Dia] *buke*[bukan] *mace*[macam] dikir barat buat lagu, *dio*[dia] *kiro*[macam] berkarya *dok*[kan]. *Hok*[Yang] ni *kiro*[macam] *dio*[dia] *menjago*[menjaga] *hok*[yang] asal ni *bawak*[bawa] *sapa*[sampai] *ko*[ke] hari ni . *Kiro*[Macam] kekalkan benda tu, jadi karya *hok*[yang] *pujinyo*[dipuji] sebab *kito*[kita] *jago*[jaga] tradisi ni.( anak Encik Abdul Rahman jawab)
- NAA** : Spesifik yang disukai oleh masyarakat?
- ARD** : *Kalu*[Kalau] masyarakat *loni*[sekarang] *kalu*[kalau] *sukonyo*[suka] *dio*[dia] *ado*[ada] selit *gapo*[apa] jenaka . *Kalu*[Kalau] dulu *dio*[dia] *tok*[tak] *banyok*[banyak] *jenaka*, *dio*[dia] *banyok*[banyak] kepada *story telling*[bercerita] *cerito*[cerita].( anak Encik Abdul Rahman jawab)
- NAA** : **Bagaimana pencapaian pak cik dalam seni wayang kulit mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap seni tradisional?**
- NA** : **Adakah masyarakat setempat ni macam bangga ke dengan pencapaian pak cik?**
- ARD** : Ada yang bangga la ,sampai ke luar negara *bulih*[boleh] main wayang kulit ni. Jadi masyarakat setempat tu puji la .
- NAA** : **Antara sumbangan encik dalam mempopularkan seni wayang kulit ni apa?Sumbangan pak cik ,antaranya?**
- ARD** : Maksudnya,*nok*[nak] *sumbe*[sumbang]? *Bawak*[Bawa] wayang kulit sampai peringkat antarabangsa.(anak Encik Abdul Rahman jawab). Sebab group lain *takdok*[tiada] buat lagi sampai ke luar negara.

**NAA : Apakah pengaruh teknologi dalam seni wayang kulit?**

**ARD :** Pengaruh teknologi *gano*[macam mana] *piq*[Syafiq](Tanya anak).Teknologi *loninyo*[sekarang] *bertentange*[bertentangan] *hok*[yang] *asalnyo*[asalnya]. Teknologi membantu promosi wayang kulit itu *je*[sahaja].

**NAA : Encik pernah menerima anugerah atau pengiktirafan tertentu yang dianggap sebagai penghargaan tertinggi dalam seni wayang kulit?**

**ARD :** Pernah la,cuma sijil duduk dengan PUSAKA. Duduk di pejabat. Gambar *ado*[ada] gambar anugerah. Nama anugerah tu nama *gapo*[apa] *dio*[dia]. Jadi *group*[kumpulan] *ni*[ini] pak cik bawak *group*[kumpulan] *ni*[ini] main wayang kulit. Jadinya nama anugerah tu nama *gapo*[apa] *doh*[dah] eh ( ketawa ).*Sulte*[Sultan] Perak *bue*[bagi] anugerah, jadi sijil di pasal *kito*[kita] *ado*[ada] *gapo*[apa] *dio*[dia] ibu pejabat di Kuala Lumpur. Jadi anugerah *duk*[duduk] *nge*[dengan] *dio*[dia] la.

